

KEMERANGAN BERSIJARAH

Rebut 110 kerusi Parlimen dan kuasai semua negeri

KUALA LUMPUR, Jumaat — Barisan Nasional (BN) mencipta sejarah bila ia menjangkau semua ramalan dengan mencapai kejayaan cemerlang dalam pilihanraya umum kali ini.

Parti yang mempunyai 11 anggota komponen itu memenangi 110 daripada 121 kerusi Parlimen yang diumumkan di Semanjung Malaysia setakat ini di samping menguasai semua semua 11 negeri di Semenanjung.

Baki 11 kerusi yang diperolehi oleh pihak pembangkang dikongsi oleh DAP yang memenangi enam kerusi dan PAS lima kerusi. Keputusan kerusi Parlimen Ulu Kelantan dan tiga kerusi negeri di

Oleh BUSTAMAM AHMAD

dalam kawasan pilihanraya berkenaan dijangka diketahui lewat petang ini kerana pengiraan undi dimulakan jam 2.30 petang.

Bagaimanapun, Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah dijangka berjaya mengekalkan kedudukannya menjadi jumlah kerusi Parlimen yang dimenangi oleh BN 111 di Semenanjung.

Sapu bersih

Tengku Razaleigh ditabar oleh calon PAS, Haji Hassan Mat Saman dan beliau dramalkan akan menang.

Di samping itu, BN juga dijangka menyapu bersih semua 32 lagi kerusi pilihanraya Parlimen 18 di Sarawak dan 14 di Sabah. Keputusannya akan diketahui lebih ini kerana pengundian di kedua negeri dijalankan secara berperingkat-peringkat disebabkan masalah perhubungan.

Dua belas daripada kerusi yang dirangkul oleh BN telah dimenangi tanpa bertanding pada hari penamaan calon 7 April lalu.

Keputusan setakat ini menunjukkan kejayaan paling besar pernah dicapai oleh parti Barisan Nasional yang memerintah, yang sebelumnya Parti Perikatan sejak Merdeka.

Dalam pilihanraya umum 1978, BN merangkul 130 kerusi Parlimen, 16 DAP, lima PAS, satu SAPO dan dua bebas.

Parti-parti pembangkang yang lain termasuk PERM, SDP, KITA dan Parti Pekerja mengalami kekalahan teruk kali ini kerana tidak seorangan calon mereka terpilih, malah ada yang teledung wang pertuaran.

Kejayaan besar BN setakat ini bukan sahaja bermakna ia dapat mengekalkan majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat tetapi yang lebih besar artinya ialah BN pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah memusnahkan impian pihak pembangkang untuk mewujudkan "barisan pembangkang yang cukup kuat" dalam Parlimen akan datang.

Haras untuk mewujudkan satu "barisan pembangkang yang kuat" ini seringkali dilancarkan oleh para pemimpin DAP terutama sekali orang kuatnya, Enock Lim Kit Siang.

Keputusan keseleruhannya juga membuktikan bahawa pengaruh dan sokongan DAP semakin merosot bila beberapa orang pemimpin utamanya ditumpaskan oleh calon-calon BN.

Sebaliknya, PAS mula bertapak semula terutama di negeri-negeri Pantai Timur seperti Kelantan dan Trengganu.

Antara orang kuat DAP yang kecondang ialah Pengerusi Kebangsaan, Dr. Chen Man Hin dan Setiausaha Penganjurnya, Enock P. Pato.

Dr. Chen ditumpaskan oleh Presiden Kebangsaan MCA, Datuk Lee San Choon di kawasan Parlimen Seremban manakala Enock Pato pula kecondang di tangan calon BN, Enock



MENGAPAKAH Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan) yang memenangi kerusinya di Kubang Pasu Kedah, tetapi Timbalannya Datuk Musa Hitam yang menang tanpa bertanding di Panti Johor, di Julang?

Sebenarnya detik detik kegemilangan ini dirakamkan sewaktu keputusan pilihanraya mengumumkan Johor memenangi 100 peratus kerusi Negeri dan Parlimennya, dan Datuk Musa dijulung kerana beliau ialah Ketua BN Johor serta Pengerusi Pilihanrayan Negeri kali ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengucapkan tahniah atas kejayaan tersebut. — Gambar

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia